Syair Semenanjung [7]

(Oleh: Ahmad Husin)

350. Portugis yang dahulu
berkuasa di laut.
Portugis yang ganas
keras dan garang,
Sikap berubah menjadi
lembut,
Sesudah terlihat adanya malang.
351. Sukalah Portugis
hendak berakan,
Berikhtiarlah ia memikat
Johor,
Menunjukkan sifat orang
dermawan,
Tangan persahabatan lalu
dihulur.
352. Inilah riwayat kisah Johor,
Dipujuk Belanda dipujuk
Portugis,
Keduanya itu kuasa yang
bulur,
Tidak mengendah orang
menangis.
353. Acheh yang benci Portugis
yang garang,
Melihat perkara tidaklah senang,
Mahkota alam yang gagah
lagi dikenang,
Johor pula lalu diserang.
354. Zaman mahkota alam
di Acheh berkuasa,
Makmurlah negeri besar
dan megah,
Banyaklah tunduk negeri dan
desa,
Termasuklah Johor, Perak
dan Kedah.
355. Inilah raja megah pahlawan,
Raja yang mengusir
Portugis yang kejam,
Kapal, tentera yang banyak berkawan,
Melaka diserang, Portugis
dihentam.
356. Portugis yang terdesak kena
paluan,
Portugis yang bermusuh
tiada berkawan,
Portugis yang sudah
hilang harapan,
Kemalangan menimpa tak boleh ditahan.
357. Kuasa yang baharu sangat
mengidam,
Belanda haloba mengambil
giliran,
Portugis yang terdesak
di Melaka digodam,
Baharulah sejarah menukar
aliran.
358. Cengakaman Portugis
di Melaka yang lama,
Dipecah ditawan Belanda yang
bulur,
Jatuhlah Portugis ghaib
bersama,
Bongkak dan megah habis
terkubur.
359. Lenyaplah kuasa yang berangan
besar,
Menindih orang tidak
peduli,

lenyaplah kuasa yang buas
dan kasar,
Ke alam Melayu tidak kembali.
360. Jatuhlah Melaka kepada Belanda,
Sukalah Belanda tidak terkira,
Tetapi, alangkah sedih hal
yang ada,
Melaka yang jatuh penuh
sengsara.
361. Belanda yang berazam menawan
Melaka,
Lima bulan kota dikepung,
Orang di dalam bernasib
celaka,
Menimpa habis
melaung.
Didesak,
……..
…….
…….
……..merebak payah
disekat,
Kemalangan menimpa tidak
berdamai,
Kelaparan menyeksa hebat dan
dahsyat,
Melayanglah jiwa beramai-ramai.
364. Orang yang ramai banyaklah
hilang,
Kota yang sibuk habis
gemilang,
Belanda masuk kuasa
memegang,
Di kota Melaka yang sunyi
dan lengang.
365. Tetapi, Portugis yang
lenyap meninggalkan bekas,
Di bandar Melaka tertinggallah
kota,
Pusaka tinggalan sudahlah
jelas,
Pusaka tinggalan cekapan
dan baka.
366. Lenyap Portugis diganti
Belanda,
Belanda yang cerdik lagi
haloba,
Mendapat untung tidaklah pada,
Peluang membolot sudahlah
tiba.
367. Di Selat Melaka Belanda berkuasa,
Kapal perang alat senjata,
Menentang lawan, memungut
mangsa,
Membolot dagangan itulah
cita.
368. Belayarlah belanda bebas dan
garang,
Dari Melaka sampai
ke Dinding,
Tiada Portugis di laut
menyerang,
Sultan Perak diajak
berunding.
369. Belanda yang cerdik membawa
hadiah,
Daripada gabenor kepada
sultan,
Sultan dipujuk menjual
timah,
Dengan Belanda membuat pakatan.
370. Orang yang sedar ada kekuatan,
Hendak berpakat dengan yang
lemah,
Belanda meminta kepada sultan,
Hendak membeli semuanya timah.
371. Kata Belanda kepada sultsn,
Semua timah kami mahu,
Saudagar lain jangan
dilayan,
Kalau tak bersetuju bolehlah
tahu.
372. Jawab sultan kepada Belanda,
Sukalah aku menjual
timah,
Tatapi, hatiku berasa
sedikit tergoda,
Tawaranmu itu sangatlah
murah.

373. Kamu Belanda orang
berniaga,
Belayar jauh datang ke mari,
Tentulah kamu tahu mengira,
Mencari untung mengelak
rugi?
374. Di negeri aku banyaklah timah,
Direbut sekalian saudagar
bestari,
Kamu menawar harga yang
murah,
Mahukah aku mengorbankan diri?
375. Datang ke sini kamu menuntut,
Timah yang ada hendak membolot,
Saudagar lain tak boleh
merebut,
Menawar pula harga yang
surut.
376. Kelakuanmu itu tidaklah
patut,
Nampaknya kamu sangat haloba,
Kamu sahaja patut disambut,
Kamu sahaja mendapat laba.
377. Maaflah tuan jikaku
kata,
Kehendakmu itu tidaklah
kena,
Bukanlah aku orang yang buta,
Tidak tahu hendak ke mana.
378. Belanda yang mengidam hendak
membolot,
Timah yang banyak ada dilombong,
Melihat hajat menjadi
karut,
Hatinya panas perak dikepung.
379. Panti Perak Belanda mengawal,
Dagangan negeri payahlah
keluar,
Perbuatan Belanda tak boleh
disoal,
Tidak mengendah orang yang
lapar.
380. Kata Perak kepada Belanda,
Sungguhlah kamu pandai
berhelah,
Hak orang hendak dilanda,
Tidak peduli benar dan salah.
381. Berhelah Belanda di Perak
berniaga,
Mengambil timah yang banyak
berguna,
Untunglah Belanda berlipat ganda,
Sultan yang rugi tidaklah
lena.
382. Gelisahlah orang di negeri
Perak,
Melihat yang garang seperti
perompak,
Orang sepertinya tak boleh
disambut.
383. Adat dunia bukanlah baharu,
Apabila orang tak dapat lena,
Hatinya gelisah serta
terharu,
Mencarilah ia punca
bencana.
384. Terjadilah hal yang payah
dielak,
Belanda haloba membolot timah,
Bersikap keras, garang
dan bongkak,
Diserang Melayu rebah ke tanah.
385. Sampailah juga Belanda
ke Kedah,
Negeri yang banyak orang berniaga,
Belanda pun menunjuk
bongkak dan megah,
Mencari musuh hendak
berlaga.
386. Saudagar Chulia dari
Hindi,
Dengan Kedah lama berdagang,
Dagangannya maju kuat
bersendiri,
Belanda berhajat hendak menyerang.
387. Di Kedah juga Belanda
mengepung,

Di Kedah juga Belanda menanggung,
Serangan Melayu yang berasa terkurung,
Melayu yang melihat habisnya untung.
388. Hajat Belanda datang ke Kedah,
Hendak membolot dagangan negeri,
Hendak mengangkut timah dan gajah,
Hendak beruntung seorang diri.
389. Orang Melayu, Jawa dan China,
Dengan keras Belanda melarang,
Jangan berniaga timah berguna,
Jika diri tak mahu malang.
390. Perniagaan orang hendak dikepung,
Tidak peduli betul dan salah,
Orang yang kena panas berdegung,
Kepung Belanda tidak diendah.
391. Belanda haloba menunjukkan garang,
Orang sekalian hendak digertak
Hatinya keras tidaklah kurang,
Siapa bertanding semua dilantak.

(bersambung)

-sambungan dari muka 20

patut ia dihukum tetapi sebelum hukuman dijatuhkan maka ia patut diadili lebih dahulu. Yang demikian menjauhkan dari hukuman-hukuman sewenang-wenangnya sahaja. Dan pemerintah Indonesia sepatutnya mengadakan satu undang-undang untuk menghukum mereka yang mengacau atau cuba mengacau dan mengusutkan perkara-perkara yang sedang diadili oleh mahkamah. Undang-undang yang dijalankan di dalam mahkamah-mahkamah Singapura umpamanya undang-undang *subjudice* mustahak diadakan untuk mengawal dan menjaga supaya hakim-hakim yang sedang menjalankan perbicaraan itu tidak terpengaruh oleh sesuatu aliran.

* * *

Hampir-hampir setahun dahulu pemuda jamʿiyyah dicadangkan untuk ditubuhkan di bawah riʿayah atau sebagai cabang atau bahagian jamʿiyyah. Oleh sebab menentukan kedudukan itu, dikatakan, pihak-pihak tua di jamʿiyyah takut kedudukannya akan terlepas sebab nampaknya mereka memandang bahawa kerja-kerja atau jabatan-jabatan di jamʿiyyah adalah pusaka yang tidak boleh diberkan atau diserahkan kepada lain orang daripada golongan atau lingkungan, atau rakan-rakan mereka sahaja. Pada mula hendak didirikan itu maka jawatankuasanya telah melantik beberapa orang untuk menyelidik, menyiasat akan undang-undang yang dibentangkan oleh pemuda jamʿiyyah. Entah golongan-golongan tua itu bersengaja atau tidak, tidaklah kita ketahui tetapi sebanyak lima atau enam kali dipanggil mesyuarat korumnya tidak pernah cukup dan semenjak dari itu tidak ada biji butirnya apakah pemuda jamʿiyyah jadi atau tidak didirikan. Ini adalah satu perkara yang sangat mendukacitakan. Tenaga pemuda yang diberi oleh mereka itu untuk menunaikan khidmatnya kepada agama bermakna sudah ditolak. Adakah setiausaha atau orang-orang jamʿiyyah itu berfikir bahawa kerja-kerja jamʿiyyah itu akan dapat dijalankan olehnya untuk selama-lamanya- umurnya tidak akan mati atau umurnya tidak akan habis.
Adakah mereka berpendapat bahawa tenaga-tenaga baru tidak perlu kepada jamʿiyyah. Adakah mereka berpendapat tidak perlu membentuk pemuda bakan menggantikan tempat-tempat mereka? Mereka patut insaf bahawa kubur menanti mereka dan tempat mereka tak dapat tidak akan kosong. Adakah tidak mustahak tempat itu disiapkan penggantinya? Inilah soalnya.